



KENYATAAN MEDIA

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

BERKENAAN PELAKSANAAN UJIAN PENILAIAN KELAS KAFA (UPKK) BAGI CALON TAHUN 2020 DAN 2021

Kerajaan, melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), ingin memaklumkan kepada semua Agensi Bertanggungjawab yang akan melaksanakan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di seluruh Malaysia dan pihak yang terlibat dengan pelaksanaan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) untuk subjek bertulis bagi calon tahun 2020 dan 2021.

Kerajaan sentiasa memberi perhatian serius terhadap situasi semasa Pandemik COVID-19 khususnya daripada aspek keselamatan murid dan semua petugas peperiksaan. JAKIM dengan kerjasama semua agensi telah menyediakan pelan tindakan demi memastikan UPKK dapat dilaksanakan dan berjalan lancar.

Sebelum ini, YB Menteri Kanan Pendidikan pada 15 Ogos 2021 telah membuat satu keputusan berkaitan pembukaan sesi persekolahan, yang mana akan mula dibuka pada 3 Oktober 2021 secara berperingkat, bermula dengan kelas peperiksaan mengikut perincian Pelan Pemulihan Negara (PPN). Selaras dengan keputusan tersebut, JAKIM telah membuat keputusan untuk pembukaan sesi persekolahan bagi calon peperiksaan UPKK juga akan bermula pada tarikh yang sama, mengikut ketetapan tersebut.

Sehubungan itu, bagi memastikan keselamatan dan kesihatan murid-murid terjamin serta persediaan pusat peperiksaan, Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) ingin memaklumkan bahawa peperiksaan UPKK tahun 2021 bagi subjek bertulis yang dijadualkan pada **4 hingga 7 Oktober 2021 DITANGGUHKAN ke tarikh baharu iaitu pada 15 hingga 18 November 2021 (Isnin hingga Khamis)**. Keputusan itu dibuat setelah mengambil kira situasi semasa serta ulasan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan keputusan kebenaran Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertarikh 6 September 2021.

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) juga optimis dengan usaha kerajaan pada ketika ini untuk menuju sasaran imuniti kelompok dan dengan itu telah membuat ketetapan bahawa hanya petugas peperiksaan yang telah mendapat 2 dos lengkap vaksin sahaja dibenarkan untuk bertugas di semua pusat peperiksaan. Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan pelaksanaan UPKK berjalan lancar dan berjaya.

Sekian.

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

7 September 2021